

MOHD DAUD BAKAR: TOKOH KEUSAHAWANAN SYARIAH

(Mohd Daud Bakar: Leader in Sharia Entrepreneurship)

OTHTMAN BIN SAHALAN
MUHAMMAD ADIB BIN SAMSUDIN
MOHAMMAD ZAINI BIN YAHAYA

Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
(UKM), Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini berkaitan Mohd Daud Bakar yang menduduki tempat keenam dalam kalangan 10 orang cendekiawan kewangan Islam dunia menurut *Global Islamic Finance Report 2015*. Beliau juga merupakan penerima Anugerah Diraja Kewangan Islam bagi tahun 2022. Kajian ini dilakukan bagi menelusuri latar kehidupan tokoh kewangan Islam dan penasihat syariah terkemuka. Beliau pernah dikritik kerana memberikan pandangan yang bertentangan dengan pendirian penasihat syariah lain di peringkat nasional mahupun antarabangsa terutamanya Timur Tengah berkaitan mata wang kripto. Tokoh ini bukan sahaja pakar dalam bidang Usul Fiqh tetapi memindahkan kepakaran itu dalam bidang keusahawanan yang baharu iaitu keusahawanan syariah yang merupakan satu inovasi dalam keusahawanan Islam. Metodologi kajian ini adalah kualitatif dengan pengumpulan data menggunakan temu bual dan analisis kandungan. Data dianalisis secara naratif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Mohd Daud Bakar adalah seorang tokoh dalam kalangan cendekiawan syariah yang telah mentransformasikan bidang penasihat syariah dalam kewangan Islam daripada hanya kerjaya separuh masa kepada satu bentuk keusahawanan Islam iaitu Keusahawanan Syariah.

Kata Kunci: Keusahawanan; Syariah; Kewangan; Penasihat; Tokoh

ABSTRACT

This study related to Mohd Daud Bakar who ranked sixth among the 10 Islamic financial scholars in the world according to the Global Islamic Finance Report 2015. He is also the recipient of the Royal Islamic Finance Award for 2022. This study was conducted to explore the life background of leading Islamic financial figures and sharia advisors. He has been criticised for giving a view that contradicts the stance of other sharia advisors at the national and international level, especially the Middle East. This figure is not only an expert in Usul Fiqh but transfers his expertise in the new field of entrepreneurship, which is sharia entrepreneurship, an innovation in Islamic entrepreneurship. The methodology of this study is qualitative with data collection using interview and content analysis. Data is analyzed narratively. The findings show that Mohd Daud Bakar is a figure among sharia scholars who has transformed the field of shariah advisory in Islamic finance from only a part-time career to a form of Islamic entrepreneurship, namely Shariah Entrepreneurship.

Keywords: *Entrepreneurship; Shariah; Finance; Advisor; Figure*

PENGENALAN

Kajian berkaitan tokoh banyak dilakukan. Kajian tokoh merujuk kepada penelitian terhadap tokoh atau kajian riwayat hidup individu (Abdul Mustaqim 2014). Hakikat kajian tokoh ialah kajian secara mendalam, sistematik, dan kritis mengenai sejarah tokoh, idea atau gagasan asli, juga konteks sosio-sejarah yang meliputi kehidupan tokoh (Abdul Mustaqim, 2014). Walau bagaimanapun, kajian mengenai tokoh dalam kewangan Islam terutamanya tokoh tempatan bertaraf antarabangsa tidak banyak dilakukan.

Dunia Kewangan Islam tidak sunyi daripada tokoh-tokoh yang tersohor dan memberikan sumbangan yang signifikan dalam bidang ini. Antaranya ialah Muhammad Taqi Usmani dari Pakistan. Beliau merupakan Cendekiawan Kewangan Islam yang terkemuka dan kini mengetuai Majlis Syariah Antarabangsa untuk Organisasi Perakaunan dan Pengauditan untuk Institusi Kewangan Islam (AAOIFI) di Bahrain. Beliau juga merupakan ahli tetap Akademi Fiqh Antarabangsa Pertubuhan Persidangan Islam, salah satu badan perundangan tertinggi di dunia Islam (The Muslim 500 2018). Di Malaysia juga tidak kurang tokoh yang banyak berjasa dalam industri kewangan Islam. Antaranya ialah Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, mantan Gabenor Bank Negara Malaysia (Nadhirah, Sumayyah, Mariam 2018) dan juga Tan Sri Abdul Halim Ismail, bapa perbankan Islam Malaysia.

Seorang daripada tokoh tersohor yang masih lagi aktif dalam kewangan Islam khususnya dalam penasihat syariah ialah Mohd Daud Bakar. Beliau merupakan bintang dalam keusahawanan syariah yang menumpukan penasihat syariah sebagai asas kepada penubuhan firma penasihat syariah beliau sendiri iaitu Amanie Advisors. Hal ini diakui bukan sahaja dalam negara malahan melepasi sempadan benua. Beliau turut digelar cendekiawan syariah yang berjaya dalam perniagaan dan juga duta kepada Kewangan Islam Malaysia di mata dunia (Sloane 2017, Zuraida 2020). Beliau bukan sahaja menubuhkan syarikat sendiri sebagai pengasasnya, tetapi juga beliau telah mengembangkan sayap syarikat ini daripada hanya menawarkan khidmat rundingan dan penasihat syariah kepada pelbagai bidang lain seperti bidang analisis data raya (big data) melalui MyFinB Sdn. Bhd., pengurusan data sukan melalui Data Sukan Sdn. Bhd., penerbitan bahan bercetak dan penulisan melalui Amanie Media Sdn. Bhd.

LATAR BELAKANG MOHD DAUD BAKAR

Mohd Daud Bakar dilahirkan pada 5 Mac 1964 dalam satu keluarga yang sederhana. Tempat kelahiran beliau ialah Jalan Lumpur, Alor Setar, Kedah. Bapa beliau bekerja sebagai peniaga ikan di Pasar Besar Alor Setar. Adik beradik kandung beliau seramai empat orang (Daud 2020).

Pada ketika itu, kehidupan dilalui dengan keadaan serba kekurangan. Pelbagai cabaran dan dugaan terpaksa dihadapi demi meneruskan kehidupan. Ia bermula dengan emak beliau yang telah diceraikan ketika umur beliau enam ke tujuh bulan. Lalu berubahlah keluarga ini menjadi keluarga yang miskin, yang tiada ayah tempat bergantung dan tidak ada pendapatan (Daud 2020). Ibu beliau yang bernama Ain Noor Ain adalah anak sulung yang terpaksa berkorban masa dan wang keluarga bagi memberi laluan kepada adik beradik yang lain ke sekolah, sedangkan beliau membanting tulang pada zaman kanak-kanak seawal umur lapan tahun membantu keluarga menguruskan urusan rumah dan memasak (Daud 2018; Zuraida 2020). Bukan itu sahaja, ibunya perlu melakukan lebih dari satu pekerjaan dalam satu masa demi mendapatkan wang lebihan bagi membiayai perbelanjaan seharian. Hal ini disebabkan gaji ayah tiri beliau iaitu Mohd Jamil Abdullah sangat minimum dan tidak dapat memenuhi keperluan harian. Sekadar kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Dalam sesetengah keadaan, mereka sekeluarga terpaksa mengikat perut dengan kerap berpuasa demi meneruskan kelangsungan hidup kerana tiada apa-apa makanan. Mereka pernah makan malam hanya dengan beberapa keping roti kering yang dicicah dalam air teh panas (Daud 2018).

LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

Beliau memulakan persekolahan secara rasmi sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Sg. Korok Baru, Alor Setar (Daud 2020). Walaupun susah, beliau sentiasa komitmen menghadiri sesi persekolahan. Bayangkan untuk ke sekolah, beliau terpaksa berjalan kaki sejauh dua kilometer kerana bapa tiada kenderaan bermotor untuk menghantar beliau. Hanya berbekalkan kesedaran dan semangat menuntut ilmu yang tinggi, beliau sanggup menempuh tahun-tahun pembelajaran sekalipun dengan berjalan kaki.

Walaupun begitu, Daud membuktikan susah dan miskin bukan penghalang untuk menjadi murid cemerlang. Oleh itu, untuk ponteng sekolah atau tuang kata orang Kedah tidak sama sekali (Daud 2018). Kesungguhan beliau menuntut ilmu ini dikesan oleh para guru bahkan menjadi murid contoh dan disayangi sekolah terutamanya Cikgu Ibrahim (Amir 2017). Para guru ini menjadi suntikan motivasi kepada Daud. Tambahan pula sikap penyayang yang menjadi sifat semulajadi semua guru menguatkan lagi azam beliau untuk berjaya bagi mengubah status kehidupan keluarga. Buktinya, hasil daripada kesungguhan, beliau berjaya menjadi pelajar terbaik keseluruhan di sekolah dalam peperiksaan penilaian darjah lima dengan mendapat keputusan 2A dan 3B (Daud 2021).

Kecemerlangan beliau di sekolah rendah melayakkan beliau melanjutkan pelajaran di Maktab Mahmud, sekolah aliran agama yang terkenal di Alor Setar. Sekolah ini terletak antara rumah beliau dan SK Sg. Korok Baru. Persepsi masyarakat ketika itu menganggap pelajar aliran agama adalah pelajar kelas kedua (Daud 2018). Beliau menyatakan bahawa hari pertama di Maktab Mahmud amat luar biasa sekali. Seolah-olah ada perancangan Allah yang tersimpan untuk beliau. Hari pertama terus jatuh cinta dan minat belajar bahasa Arab dan agama. Beliau rasa bangga kerana dapat belajar bahasa asing pada umur 13 tahun berbanding rakan sebaya lain di sekolah biasa. Akhirnya, beliau mendapat kejayaan paling cemerlang dalam kelas peralihan dan terus lompat ke tingkatan 2 sekalipun pada awalnya beliau agak keberatan untuk bersekolah di sini. Maktab Mahmud menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar. Di sekolah inilah bahasa Arab beliau berputik dan bersinar. Beliau mengikuti Pengajian Nahu dan Saraf di tingkatan 2 bersama Ustaz Ghani Ibrahim. Ianya sangat membuka minda Nahu dan Saraf atau morfologi beliau sehingga hari ini (Danial 2016).

Perjalanan pendidikan beliau diteruskan dengan langkah gemilang di Kolej Islam Klang (KIK). Kini kolej ini dinamakan semula sebagai Kolej Islam Sultan Alam Shah (KISAS). Berkat kesungguhan dan kerajinan beliau, akhirnya beliau menduduki tempat kedua sebagai pelajar terbaik keseluruhan bagi Sijil Tinggi Agama di sini. Dengan kejayaan ini, beliau cukup bertuah kerana terpilih menjadi penerima biasiswa Kerajaan Kuwait bagi menyambung pengajian di Universiti Kuwait.

Kos bagi menyambung pengajian di Kuwait bukanlah murah. Apatah lagi dengan latar belakang keluarga ini yang kurang berkemampuan. Sekiranya bergolok gadai sekalipun mungkin tidak mencukupi. Tambahan lagi persepsi masyarakat ketika itu yang pesimis sekiranya ada dalam kalangan anak kampung yang ingin melanjutkan pengajian di luar negara kerana dibimbangi menjadi seperti kacang lupakan kulit (Daud 2021). Bapa beliau sendiri terpengaruh dengan suasana tersebut sehingga sanggup datang daripada Kedah bukan untuk memberi wang saku, akan tetapi untuk memujuk beliau membatalkan hasrat menyambung pengajian di Kuwait. Namun beliau tidak menyerah kalah begitu sahaja. Beliau membulatkan tekad dan berikhtiar mendapatkan dana dengan cara meminjam duit daripada pelbagai sumber, antaranya guru-guru di KIK. Berkat kesabaran dan ketabahan beliau, akhirnya dapat juga menjejakkan kaki di menara gading demi menggapai cita-cita menggunung beliau (Daud 2021).

Kecemerlangan dalam bahasa Arab digunakan sepenuhnya semasa pengajian di Universiti Kuwait. Justeru tidak hairanlah beliau tersenarai dalam Anugerah Dekan sebanyak lima kali sepanjang pengajian. Ini merupakan pencapaian yang luar biasa lebih-lebih lagi bagi pelajar bukan Arab. Lebih manis lagi, beliau dinobatkan sebagai antara 10 pelajar terbaik Fakulti Syariah universiti tersebut. Dengan kelebihan dan kefasihan bahasa Arab yang dimiliki, beliau ditawarkan bekerja separuh masa dalam sebuah syarikat pengeluar kartrij Bahasa Arab. Kartrij ini mengandungi analisis bahasa arab yang pertama seumpamanya di dunia (Daud 2018).

Tuah ayam nampak dikaki, tuah manusia siapa yang tahu. Setelah pulang ke Malaysia dan bertugas sementara di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), beliau akhirnya mendapat peluang melanjutkan pengajian peringkat Doktor Falsafah (Ph.D) di Universiti St. Andrews, United Kingdom. Beliau sangat bertuah kerana pengajian ini ditaja oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Asalnya beliau ditawarkan untuk menyambung pengajian peringkat sarjana (Masters), akan tetapi, berkat kesungguhan dan persediaan yang rapi, cadangan kajian (proposal) beliau telah dipersetujui oleh pihak universiti untuk dinaik taraf sebagai pengajian PhD. Tajuk kajian beliau ialah *Conflict of Law And The Methodology of Tarjih: A Study in Islamic Legal Theory*.

Tidak cukup dengan segenggam Ph.D, beliau meneruskan lagi kembara ilmu dengan mengikuti pengajian secara separuh masa di Universiti Malaya bermula pada tahun 1996. Sesuai dengan keterlibatannya dalam industri kewangan Islam, beliau nekad mengambil Program Undang-undang *Jurisprudens* bagi melengkapkan diri beliau sebagai cendekiawan bidang syariah dan undang-undang sivil. Segala jerih payah beliau berhasil dengan kejayaan setelah 6 tahun mengikuti pengajian ini (Daud 2021).

Hampir setiap hujung minggu yang sepatutnya dihabiskan bersama-sama keluarga terpaksa dikorbankan demi menjadi seorang yang memahami kedua-dua bidang perundangan iaitu perundangan Islam dan perundangan sivil. Hal ini menjadikan beliau seorang yang berautoriti dalam memberikan pandangan pada kedua-dua bidang.

PERJALANAN KERJAYA

Selepas pulang dari Kuwait, beliau bertugas di Maktab Mahmud selama sebulan di awal tahun 1989. Tidak lama kemudian, beliau mendapat tawaran sebagai pensyarah di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Setelah beberapa bulan di sana, beliau telah berpindah ke Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Peristiwa yang menjadi pencetus kepada keterlibatan beliau dalam industri kewangan Islam ialah kesanggupan beliau menerima tanggungjawab membangun dan menyediakan rangka kursus Muamalah dan Zakat Kontemporari. Walaupun berat pada awalnya, namun bermula detik inilah pintu kepada industri kewangan Islam terbuka luas bagi beliau untuk menerokanya (Daud 2018) sekalipun ilmu teras beliau adalah Usul Fiqh.

Tidak lama selepas itu, nama beliau mula meniti di bibir pemain industri kewangan Islam. Kesungguhan dan kerajinan yang ditunjukkan oleh beliau telah diintai dengan rapat dan seterusnya beliau dilamar menjadi anggota termuda di Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dalam Majlis Penasihat Syariah (MPS) iaitu ketika berumur hanya 33 tahun (Daud 2018). Sudah tentu ini merupakan pencapaian yang gilang gemilang.

Tuah manusia siapa yang tahu, dalam tahun yang sama, beliau telah menganggotai sebuah badan Islam antarabangsa iaitu *Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions* (AAOIFI) sebagai ahli Majlis Syariah dalam usia yang sangat muda iaitu 33 tahun (Zuraida 2020). Hal ini sangat mengujakan kerana kebanyakan ahli yang dilantik dalam Majlis ini berumur 55 tahun ke atas secara purata.

Dengan usia yang begitu muda, adakalanya pandangan beliau kurang diterima oleh para penasihat yang lebih senior di Malaysia yang memberikan reaksi dan komen negatif terhadap kajian beliau tentang *gharamah* sehingga beliau ditohmah sebagai menghalalkan *riba al-fadl* (Daud 2018). Kesabaran beliau menangani kerenah ini akhirnya membuahkan hasil. Setiap kajian beliau didasari dengan hujahan yang kukuh dan kuat bagi memastikan setiap permasalahan yang diajukan dapat diberi solusi yang terbaik (Daud 2018). Sehingga kini, pemikiran kewangan Islam beliau ini telah menjadi trend dalam industri kewangan sekarang di seluruh dunia (Amiruddin 2019).

ANUGERAH DAN PENCAPAIAN MOHD DAUD BAKAR

Berdasarkan kepada pengalaman, jasa dan bakti beliau, maka pada tahun 2014, beliau dinobatkan sebagai penerima anugerah utama dalam Majlis Sambutan Maulidurrasul Peringkat Kebangsaan iaitu Anugerah Perdana Maulidurrasul. DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong pada ketika itu telah berkenan mencemar duli menyampaikan anugerah yang berprestij dan menjadi kebanggaan umat Islam di Malaysia khususnya. Anugerah tertinggi daripada kerajaan ini adalah sebagai mengiktiraf sumbangan individu dalam pembangunan agama dan negara (Sloane 2017, Daud 2018).

Berikutnya pada tahun 2015, beliau dikurniakan pula pingat PJN (Pingat Jasa Negara) oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong yang membawa gelaran “Datuk”. Jasa dan peranannya dalam mencorakkan Kewangan Islam peringkat global turut diiktiraf oleh Universiti Sains Islam Malaysia dengan melantik beliau sebagai penyandang Kursi Akademik Yayasan Tun Ismail (YTI) Berdaftar – Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) (Amanie 2018). Bagai sirih pulang ke gagang, beliau sangat bertuah kerana Kementerian Pengajian Tinggi bersetuju melantik beliau sebagai Presiden Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) bermula Julai 2019. Berbekalkan pengalaman luas dalam bidang kemasyarakatan dan sosial (Sloane 2017), beliau sekali lagi diiktiraf dan diberi kepercayaan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong untuk menjadi Pengerusi Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bermula Februari 2021 (MAIWP 2021).

PENGIKTIRAFAN DAN ANUGERAH DALAM PENASIHATAN SYARIAH DAN KEWANGAN ISLAM GLOBAL

Dengan ilmu dan kepakaran yang dimiliki, tidak hairanlah beliau dilantik sebagai ahli lembaga pengarah kepada pelbagai Institusi kewangan global. Antaranya ialah Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) sebagai Pengerusi Majlis Penasihat Syariah (MPS), Guidance Financial (Amerika Syarikat), Salama Insurance (Dubai), Natixis Bank (Dubai), Noor Islamic Bank (Dubai), Bank al-Khayr (Bahrain), Morgan Stanley (Dubai), BNP Paribas Najma (Bahrain), Franklin Templeton (Kuala Lumpur and Luxembourg), Sedco Capital (Arab Saudi dan Luxembourg), Amundi Asset Management di Perancis, Bank of London and Middle East BLME (London), Oasis Asset Management (Afrika Selatan), Cagamas Berhad (Malaysia), dan juga S & P Islamic Index and Dow Jones Islamic Market Index (New York) (Amanie 2018). Bermula pada tahun 2017, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Majlis Syariah bagi First Abu Dhabi Bank (FAB), salah satu bank

Islam terbesar di Timur Tengah yang merupakan gabungan dua bank iaitu First Gulf Bank dan National Bank of Abu Dhabi, dengan aset gabungan bernilai USD186 billion (Daud 2017).

Satu lagi pengiktirafan terhadap beliau adalah International Shariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA), salah satu institusi penyelidikan kewangan Islam bertaraf antarabangsa telah melantiknya sebagai Pengerusi kepada Council of Scholars (Majlis Cendekiawan ISRA) (ISRA 2018). Pada tahun 2016, berbekalkan pengalaman dan kejayaan yang berterusan dan konsisten, beliau dilantik sebagai juri hakim antarabangsa bagi memilih para pemenang bagi pelbagai kategori Anugerah Ekonomi Islam Dubai yang kompetitif (Daud 2018).

Jasa dan peranan besar yang dimainkan beliau telah mendapat perhatian pelbagai pihak. Bagi mengenang hal itu, beliau pernah dianugerahkan pelbagai anugerah sama ada di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Seawal usia beliau 41 tahun iaitu pada tahun 2005, beliau menjadi penerima Anugerah Tokoh Kewangan Islam anjuran Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM). Bagi tahun 2008 pula, beliau menggondol anugerah Penasihat Syariah Zaki Badawi dalam acara berprestij di London iaitu Sukuk Summit. Tidak cukup dengan itu, pada tahun 2014, ketokohan beliau mengemudi syarikat miliknya iaitu Amanie Advisors telah menjadikan beliau penerima Anugerah The Aset Triple A Industry Leadership Award. The Aset Magazine adalah merupakan satu majalah kewangan tersohor yang beribu pejabat di Hong Kong. Pada tahun 2015 pula, beliau diiktiraf di tempat ke-6 dalam senarai tokoh kewangan Islam dunia (GIFR 2015). Tidak cukup sekadar itu, dengan jasa sumbangan dan peranan beliau dalam kewangan Islam, beliau telah dinobatkan sebagai penerima Anugerah Diraja Kewangan Islam¹ bagi tahun 2022 (MIFC 2022). Anugerah berprestij ini menunjukkan bahawa beliau adalah tokoh yang tidak perlu diperkenalkan lagi dalam industri kewangan Islam dan keusahawanan syariah.

MOHD DAUD BAKAR DAN KEUSAHAWANAN SYARIAH

Kepakaran beliau dalam Usul Fiqh sememangnya tidak disangkal lagi. Hal ini ditambah dengan kemahiran beliau menggabung jalinkan ilmu Usul Fiqh dengan keperluan semasa. Dalam bidang penasihat syariah, asas kepada permintaan pelanggan ialah mendapatkan status patuh syariah yang pastinya memerlukan penelitian terhadap hukum hakam. Justeru dengan penguasaan Usul Fiqh yang merupakan tunggak kepada istinbat hukum, kepakaran ini sememangnya diperlukan dan menjadi teras dalam penubuhan firma penasihat syariah.

Detik permulaan beliau menjadi usahawan syariah bukanlah suatu perkara yang mudah. Keputusan beliau untuk meninggalkan kerjaya tetap sebagai timbalan rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada mulanya mendapat reaksi yang negatif daripada pihak lain yang menuduh beliau sebagai mata duitan (Daud 2018). Dalam majlis perpisahan yang diadakan, beliau telah disindir secara sinis bahawa beliau ingin mengejar kekayaan dengan meninggalkan kerjaya sebagai pensyarah. Dalam ucapan balas beliau, beliau menegaskan bahawa sememangnya tidak salah untuk menjadi kaya dan merdeka dari sudut kewangan, namun yang lebih penting ialah beliau ingin bebas dan tidak terikat dengan majikan dalam sebarang aktiviti yang dilakukan termasuk terbang ke luar negara hampir setiap minggu bagi menjalankan peranan sebagai penasihat syariah global.

Pada ketika itu, beliau mempunyai dua pilihan iaitu sama ada hendak menjadi penasihat syariah sepenuh masa, atau menubuhkan syarikat penasihat syariah. Bagi pilihan pertama, beliau akan menawarkan khidmat penasihat syariah secara sepenuh masa tanpa terikat kepada kerja hakiki kerana beliau sememangnya pada ketika itu telah dilantik sebagai penasihat syariah di pelbagai institusi kewangan Islam seluruh dunia termasuk Dow Jones dan Wall Street. Justeru beliau akan mempunyai lebih banyak masa dan kebebasan untuk bergerak pergi ke mesyuarat dan memberikan pandangan. Meskipun begitu, beliau merasakan bahawa pilihan ini akan merugikan beliau kerana beliau tidak boleh membuat produk beliau sendiri. Walaupun bekerja sendiri, tetapi hanya memberi peluang membuat khidmat rundingan secara peribadi tetapi tidak boleh mencipta gagasan sendiri, cara fikir sendiri, dan latihan bakat-bakat baharu dalam industri (Daud 2020).

Pilihan kedua pula ialah menubuhkan sebuah syarikat yang terdiri daripada pasukan bersepadu yang akan menawarkan perkhidmatan penasihat syariah yang lebih komprehensif dan jitu. Inilah cara bagaimana beliau boleh memindahkan ilmu dan pengalaman beliau (*transfer of knowledge and experience*), juga memindahkan cara berfikir. Dengan adanya syarikat juga, beliau dapat membina lebih banyak jaringan bahkan dapat mengeluarkan pelbagai produk pengguna dan bukan sahaja dalam bentuk khidmat penasihat dan rundingan syariah (Daud 2020).

Istilah keusahawanan syariah mula diperkenalkan oleh beliau melalui sesi media selepas beliau dinobatkan sebagai “*Most Outstanding Individual*” iaitu Tokoh Perdana Maulidur Rasul peringkat Kebangsaan 2014. Apabila beliau ditanya apakah impak anugerah ini kepada beliau, jawabnya dua perkataan sahaja, iaitu “Keusahawanan Syariah” (Daud Bakar 2018). Menyebut tentang definisi Keusahawanan Syariah, beliau menyatakan dalam temu bual (2020);

Keusahawanan syariah adalah sebarang bidang aktiviti ekonomi yang bermotifkan keuntungan, yang digerakkan oleh seorang ahli syariah, termasuklah bidang syariah, bidang dakwah, usuluddin, tafsir, hadis tak kisah, bahasa arab pun, yang digerakkan oleh orang agama untuk mereka mencipta aplikasi bacaan al-quran, taranum, tajwid, tashih hadis secara apps, aplikasi ataupun untuk mengajar manusia belajar bahasa arab dengan kognitif yang baharu, ilmu kepenasihatn syariah dalam bidang halal, fesyen, perfileman, bidang sains, sosial, tak kisah, tetapi tonggakunya adalah orang syariah yang melakukannya dalam bidang-bidang yang melibatkan kepakarannya dan menjadikan bidang syariah sebagai inspirasi.

Berdasarkan kenyataan beliau, usahawan syariah ialah mereka yang mempunyai latar belakang syariah yang menjalankan aktiviti keusahawanan sama ada dalam bentuk penghasilan produk seperti aplikasi bacaan al-Quran, aplikasi tarannum, atau aplikasi bahasa Arab yang menepati kognitif yang baharu, mahupun dalam bentuk perkhidmatan penasihatn syariah bagi kepatuhan syarak bagi sesuatu produk yang dihasilkan oleh mana-mana entiti mahupun institusi (Daud 2020). Merujuk kepada penasihatn syariah yang menjadi teras kepada bidang keusahawanan syariah, ia kebiasaannya dirujuk kepada penasihatn syariah yang dilakukan atas kapasiti individu dan bukan dalam bentuk agensi atau firma seperti firma guaman, firma akauntan dan sebagainya (Daud 2016). Mereka dilantik oleh mana-mana agensi kewangan bagi membantu menyelesaikan permasalahan syariah mahupun pembangunan suatu produk baharu dalam kewangan Islam. Namun begitu, kebanyakan mereka berat hati untuk menceburi bidang keusahawanan syariah dalam bentuk kelompok dan entiti perniagaan sekalipun ilmu pengetahuan mereka berkaitan teori keusahawanan, prinsip dan kontrak syariah berada dalam keadaan yang sangat baik. Antara faktornya ialah mereka keberatan meletakkan jawatan kerana jawatan itulah yang memberikan jaminan pendapatan kepada mereka (Daud 2016). Walau bagaimanapun, beliau telah menongkah arus dengan menceburi bidang keusahawanan yang baharu ini sekalipun beliau sedar akan cabaran besar yang mesti dihadapi sebagai seorang usahawan.

Bagi membuktikan bahawa bidang keusahawanan syariah ini mampu berdaya saing, beliau sendiri menyahut cabaran itu dan sememangnya menceburi bidang-bidang yang jarang diteroka oleh usahawan muslim yang lain. Beliau adalah pengasas bersama (co-founder) Experts Analytics Centre Sdn. Bhd. (EAC) dan MyFinB, sebuah syarikat berkaitan kepintaran buatan (A.I.), Pengerusi Berry Pay, sebuah platform pembayaran secara dalam talian. Tidak cukup sekadar itu, beliau juga merupakan pengerusi kepada KAB Goldynamics, sebuah syarikat yang menjalankan perniagaan emas secara dalam talian yang patuh syariah, juga Bio Fluid Sdn Bhd, pengeluar produk penyahkuman dan kebersihan seperti pensanitasi tangan dan pensanitasi bangunan. Beliau juga adalah pengerusi kepada Data Sukan Sdn. Bhd., sebuah syarikat

yang menjadikan data raya dalam industri sukan digunakan bagi tujuan analisis bagi peningkatan prestasi sesebuah jenis sukan seperti bola sepak, sukan berkaitan basikal, badminton mahupun olahraga. Bagi industri halal pula, beliau merupakan pengerusi kepada Amanie-Afra Halal Capital Co (Bangkok) yang menumpukan kepada aspek halal dan toiyib bagi produk yang dikeluarkan (Daud 2021).

Sehubungan dengan itu, beliau telah memainkan peranan penting dalam menjadikan kerjaya sebagai penasihat syariah daripada hanya dilakukan secara separuh masa dan secara individu kepada satu bentuk keusahawanan baharu iaitu keusahawanan syariah. Kejayaan beliau mentransformasikan penasihat syariah kepada satu perniagaan juga telah menjadi ikutan (*trend setter*). Hal ini dapat dibuktikan kerana setelah penubuhan Amanie Advisors pada tahun 2005, kini terdapat lebih 12 firma penasihat syariah di Malaysia selain Amanie Advisors seperti Afsha Shariah Advisory, ISRA Consultancy, Maha Shariah, Tawafuq Consultancy dan IBFIM Consultancy (MIFC 2022).

MOHD DAUD BAKAR DAN AMANIE ADVISORS

Keputusan beliau untuk berhenti kerja sebagai penjawat awam yang sudah berkedudukan tinggi (timbangan rektor) bukan satu perkara yang mudah. Namun begitu, keputusan penting yang diambil ini merupakan titik tolak utama dalam menjadikan beliau seorang usahawan syariah (*shariah entrepreneur*) yang berjaya dalam bidang kepenasihatn syariah di peringkat antarabangsa (Sloane 2017). Visi dan misi beliau ingin melihat industri penasihatn syariah melangkah dengan lebih jauh. Beliau tidak mahu hanya menjadi penasihat syariah separuh masa atau sebagai *freelancer* sebagaimana sebahagian besar penasihat Syariah lain (Daud 2018). Justeru, beliau nekad menubuhkan sebuah firma keusahawanan syariah pada 1 April 2005 sejeurus selepas beliau melepaskan jawatan sebagai Timbalan Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Syarikat ini menumpukan khidmat penasihatn syariah sebagai teras kepada perniagaannya (Sloane 2017). Inilah permulaan kepada langkah beliau menjadi usahawan syariah.

Cabaran yang dihadapi beliau amat besar dalam membangunkan syarikat yang baharu apatah lagi latar belakang beliau bukan dalam bidang keusahawanan mahupun profesional lain seperti peguam, akauntan mahupun kewangan Islam tulen. Namun begitu, dengan usaha yang tidak putus dalam mencari klien dan membina jaringan, Amanie Advisors berjaya membuka pejabat di pelbagai lokasi strategik kewangan antarabangsa dengan ibu pejabatnya di Kuala Lumpur, diikuti dengan Dubai International Finance Centre (DIFC), Emiriah Arab Bersatu, Casablanca di Maghribi, Muscat di Oman dan Almaty di Kazakhstan (Sloane 2017, Daud 2018).

Pada awalnya, penasihat syariah hanya berperanan dalam menasihati Institusi Kewangan Islam (IKI) dalam skop pematuhan syariah dalam produk-produk asas industri perbankan, takaful dan pasaran modal. Akan tetapi pada hari ini, penasihat syariah terus berubah sebagaimana khidmat yang ditawarkan oleh Amanie Advisors, ianya merangkumi (Amanie 2019) pengesahan dan ulasan syariah, penstrukturan produk, pertukaran produk konvensional kepada yang patuh syara', penasihat kepada penyelesaian web dan teknologi maklumat, latihan dan pembangunan, pemodelan organisasi dan penilaian pasaran, dan juga penasihat urus niaga.

Firma ini bertaraf antarabangsa (Sloane 2017) dan bukan sahaja menawarkan khidmat nasihat syariah semata-mata, bahkan yang merupakan butik perundingan, latihan, penyelidikan dan pembangunan bagi pelanggan institusi dan korporat yang memberi tumpuan kepada perkhidmatan kewangan Islam. Dalam masa yang sama, di peringkat antarabangsa Amanie dibarisi satu pasukan perunding panel yang aktif dan ditubuhkan yang meliputi setiap aspek yang berkaitan dengan industri perbankan dan kewangan Islam di seluruh dunia termasuk Asia Tenggara, Emiriah Arab Bersatu, United Kingdom dan Kazakhstan yang memberi tumpuan kepada penstrukturan dan perundingan Syariah (Amanie 2019).

Antara pencapaian terbesar Amanie Advisors ialah kejayaannya merintis piawaian Syariah pertama di dunia mengenai emas iaitu standard nombor 57 (AAOIFI 2016) yang dikeluarkan oleh Institut Perakaunan dan Pengauditan Organisasi Institusi Kewangan Islam (AAOIFI), inisiatif penting ini menyaksikan kolaborasi pertama antara badan penubuhan standard syariah iaitu AAOIFI sendiri dan pihak berkuasa pembangunan pasaran emas dunia iaitu Majlis Emas Dunia (WGC).

Kepercayaan pelanggan kepada perkhidmatan yang ditawarkan oleh Amanie Advisors menjadikan ianya pilihan utama kepada mana-mana institusi mahupun agensi untuk mendapatkan khidmat nasihat dan perundingan mereka. Ini dapat dibuktikan kerana setakat 31 Januari 2020, terdapat lebih 200 dana yang menjadikannya sebagai konsultan syariah mereka. Jadual berikut menunjukkan sebahagian daripada pelanggan dan jenis perkhidmatan yang ditawarkan Amanie Advisors.

JADUAL 1 Pelanggan Amanie Advisors

Kategori Penasihat	Nama Pelanggan
Syarikat Dana Islamik & Pengurusan Aset	AmInvest – AmFunds Management Berhad i-VCAP Management PHEIM Unit Trusts Berhad Myetf Thomson Reuters Asia Pacific Ex-Japan Islamic Agribusiness Guardian Investment House
Pembinaan Kerangka Syariah dan Permulaan Pembangunan Produk Islamik	Permodalan Nasional Berhad (Malaysia) AmTakaful Berhad Saturna Sdn Bhd BnP Paribas Investment Partners Najmah Malaysia Sdn Bhd Franklin Templeton GSC Asset Management Sdn Bhd Al-Khaliji Commercial Bank
Penerbitan Sukuk	The Royal Bank of Scotland Berhad (Malaysia) Garuda Indonesia Global Sukuk Limited Public Islamic Bank Berhad Khazanah Nasional Berhad
Badan Penasihat Syariah dan Sekretariat Syariah	Gulf International Bank Societe Generale (DIFC) Islamic Window AsiYA Investments Franklin Templeton Investments NBF Islamic
Standard Syariah bagi Emas	World Gold Council (WGC) – Develop Shariah Standard in Collaboration with AAOIFI SGX – Gold Wa’d Product The Royal Mint – Shariah Structuring, Review and Endorsement of Royal Mint Bullion Platform Public Gold Sdn Bhd – Certain Gold Products
Penasihat Syariah dan Latihan Berstruktur	Institut Akauntan Pengurusan Berkanun (“CIMA”). – Module Developer for Diploma and Advance Diploma in Islamic Finance
Penyelidikan	Kyle Intertrade Limited (Geneva) – Viability Study: Stamp as a New Asset Class Khazanah Nasional Berhad: Viability Study: Iskandar Development Region NOMURA – Viability Study: Sukuk Framework in Indonesia

ANUGERAH DAN PENCAPAIAN AMANIE ADVISORS

Amanie Advisors telah menjadi jenama antarabangsa penasihat syariah yang menjadi pilihan pelbagai institusi sama ada swasta mahupun kerajaan dari seluruh dunia bagi mendapatkan khidmat nasihat syariah. Jenama ini menjadi terkenal disebabkan tokoh di sebalik firma ini iaitu Mohd Daud Bakar yang memainkan peranan penting. Berbeza dengan firma penasihat syariah lain di seluruh dunia yang ditubuhkan oleh para usahawan yang bukan berlatar belakang syariah, beliau yang merupakan graduan Usul Fiqh adalah pengasas yang menubuhkan firma ini. Dengan pakej yang ada pada beliau ditambah dengan pasukan pakar yang dibentuk, tidak hairanlah di bawah kepimpinan Mohd Daud Bakar dan pengurusan strategiknya, Amanie Advisors tampil cemerlang dengan meraih pelbagai anugerah yang berprestij dalam industri kewangan Islam dunia.

Antara anugerah yang diterima oleh Amanie Advisors ditunjukkan dalam jadual berikut (Amanie Advisors 2019):

JADUAL 2 Anugerah yang Diterima Amanie Advisors

TAHUN	ANUGERAH	PEMBERI ANUGERAH
2014	Anugerah Firma Penasihat Syariah Terbaik	Islamic Finance Award 2014
2015	Anugerah Infrastruktur Pengetahuan Ekonomi Islam sempena	Anugerah Ekonomi Islam Global (GIES) 2015
2015	Anugerah Sumbangan Cemerlang kepada Pembangunan Perkhidmatan Penasihat Syariah	Sukuk Summit AWARD
2016, 2017	Anugerah Firma Penasihat Syariah Terbaik oleh Anugerah Kewangan Islam Global (GIFA) untuk dua tahun berturut-turut iaitu 2016 dan 2017.	Global Islamic Finance Awards (GIFA)
2016	Anugerah Kecemerlangan untuk Sumbangan Cemerlang untuk Kepimpinan & Penasihat Syariah	London Sukuk Summit AWARD
2016	Anugerah Triple Asset A 2016 bagi Sukuk Mata Wang Tempatan Terbaik (Sukuk Murabahah 500 Juta Ringgit Cagamas)	The Asset Triple A Awards 2016, Hong Kong
2016	Sukuk SRI Terbaik (Wakala Al-Istithmar 100 Juta Ringgit Khazanah Nasional).	The Asset Triple A Awards 2016, Hong Kong
2017	Anugerah Perkhidmatan Penasihat Syariah Terbaik pada acara Anugerah Perniagaan dan Kewangan Islam Asia Tenggara 2017.	Islamic Business & Finance Southeast Asia Awards 2017

PENULISAN DAN KARYA

Pemikiran syariah dan keusahawanan beliau diterjemahkan bukan sahaja dalam bidang penasihat syariah tetapi merentasi bidang penulisan juga. Beliau turut menerapkan konsep keusahawanan syariah dengan menubuhkan satu sayap kepada jenama Amanie iaitu Amanie Media Sdn. Bhd. Melalui sayap ini, gagasan pemikiran beliau mengenai kewangan Islam dan pelbagai bidang lain seperti motivasi dan sebagainya .diterjemahkan dalam bentuk penulisan

Antara karya terbaik beliau yang telah menggondol Anugerah Buku Terbaik Kewangan Islam ialah *Shariah Minds in Islamic Finance*. Buku ini merupakan coretan kisah sebenar cendekiawan syariah dalam industri kewangan Islam. Ia ditulis berdasarkan pengalaman luas beliau selama lebih 20 tahun dalam bidang yang dinamik ini (Daud 2018). Bagi mereka yang ingin berjinak-jinak dengan industri ini, maka disarankan membaca buku ini (Yasushi 2016). Pada tahun berikutnya, sebuah lagi buku beliau yang berbentuk kajian kes telah memenangi Anugerah Best Islamic Finance Case (GIFA 2017).

Sesuai dengan kedudukannya sebagai pakar syariah dan bidang tugasnya dalam badan regulasi kewangan Islam dalam dan luar negara, beliau telah menghasilkan buku terbaharu pada bulan Disember 2021 bertemakan *Maqasid Syariah* iaitu *Maqasid al-Shariah: The Face and Voice of Shariah* (Amanie 2021). Buku ini menunjukkan ketelitian beliau menggabungkan ilmu klasik berkaitan maqasid syariah yang digabung jalinkan dengan analisis data raya (*big data*). Hal ini pastinya meletakkan beliau dalam kelas yang tersendiri dalam kalangan cendekiawan syariah terkemuka dunia. Maka tidak hairanlah beliau dinobatkan sebagai penerima anugerah paling berprestij dalam kewangan Islam iaitu Anugerah Diraja Kewangan Islam bagi tahun 2022 (MIFC 2022).

KESIMPULAN

Berdasarkan ketokohan, peranan, sumbangan dan kredibiliti Mohd Daud Bakar yang telah mencorakkan keusahawanan syariah bukan sahaja di Malaysia bahkan peringkat global, sewajarnya insan ini diangkat sebagai tokoh yang penting bidang Keusahawanan Syariah di Malaysia khususnya dan dunia amnya. Kejayaan beliau mentransformasikan bidang penasihat syariah sebagai satu entiti perniagaan yang menguntungkan seharusnya dipuji bahkan kejayaannya telah mengangkat bidang ini ke satu peringkat yang lebih tinggi setaraf dengan bidang profesional lain seperti undang-undang dan perakaunan. Ia juga turut menaikkan nama Malaysia selaku pemain utama

dalam industri kepenasihatatan syariah di peringkat global. Latar belakang beliau dalam Usul Fiqh tidak menjadi penghalang bahkan merupakan batu asas kepada kejayaan menjadi usahawan syariah yang berjaya.

Nota Hujung

¹ Anugerah Diraja Kewangan Islam mengiktiraf individu yang cemerlang dalam memajukan kewangan Islam di peringkat global melalui sumbangan dan pencapaian cemerlang mereka. Anugerah ini unik kerana ia memberi tumpuan kepada sumbangan peribadi individu dan impaknya terhadap pembangunan dan kemajuan kewangan Islam, bukannya semata-mata pencapaian komersial (<https://theroyalaward.com/-diakses> 5 Oktober 2022).

RUJUKAN

Abdul Mustaqim. 2014. Model penelitian tokoh (Dalam teori dan aplikasi). *Jurnal Studi Ilmu-Ilmu al-Qur'an dan Hadis* 15(2): 263-280.

Amir Shahrudin. 2017. *Pengisytiharan Penyandang Kursi Yayasan Tun Ismail Berdaftar (YTI)*. Universiti Sains Islam Malaysia.

Davis, M. K. 2013. Entrepreneurship: An Islamic perspective. *Int. Journal of Entrepreneurship and Small Business* 20 (1): 63-69.

Emmy Abdul Alim. 2014. *Global Leaders in Islamic Finance, Industry Milestones and Reflections*. John Wiley & Sons: Singapore.

Farhah Zaidar Mohamed Ramli. 2018. Ketokohan dan sumbangan Dato' Dr. Haron Din (1940-2016) dalam bidang perubatan Islam di Malaysia. Proceeding of The International Conference on Contemporary Issues in al-Quran and Hadith 2018 (Thiqah 2018) 7th Mac 2018. ILIM, Bangi, Selangor, Malaysia.

Hussain, M. A., Hassan, R. & Hassan, A. 2013. Resolusi syariah oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia: Tinjauan perspektif undang-undang. In Seminar Penyelidikan Kewangan dan Kehartaan Islam.

Malaysia International Islamic Finance Centre (MIFC). 2022. The Royal Award for Islamic Finance (RAIF) [5 Oktober 2022].

Mohd Adib Abd Muin, Shuhairimi Abdullah & Azizan Bahari. 2015. Keusahawanan sosial Islam: Konsep dan amalan. In National Research Seminar 2015.

Mohd Adib, A. M., Muhammad Fakhirin, C. M. & Suhairimi, A. 2014. Pengurusan keusahawanan sosial Islam: Model usahawan berjaya dalam amalan nilai-nilai murni. Seminar Penyelidikan Kebangsaan 2014.

- Mohd Arif, M. I. A. & Markom, R. 2013. Peranan dan kedudukan Majlis Penasihat Syariah untuk memperkasakan Sistem Kewangan Islam di Malaysia. *Jurnal Pengurusan*. [https://doi.org/10.1016/0165-1218\(93\)90060-Q](https://doi.org/10.1016/0165-1218(93)90060-Q).
- Mohd Daud Bakar. 1997. *The Origins of Islamic Legal Theory (Usul al-Fiqh)*. Intellectual Discourse.
- _____. 2016. *Minda Syariah Kewangan Islam*. Amanie Media: Kuala Lumpur.
- _____. 2017. *An Insightful Journey Into Emirates Airline Sukuk*. Amanie Media: Kuala Lumpur.
- _____. 2018. *Anak Desa Ke Persada Antarabangsa*. Amanie Media: Kuala Lumpur.
- _____. 2018. *Shariah is Life*. Amanie Media: Kuala Lumpur.
- _____. 2020. *Temu bual dengan Mohd Daud Bakar*, 3hb September 2020, Amanie Advisors, Kuala Lumpur.
- Mohd Faiz, Joni Tamkin, Norhanani. 2016. Pemikiran Ekonomi Al-Ghazali dalam Teori Kewangan. *Jurnal Umran*.
- Muhammad Irwan Ariffin. 2017. Ulasan buku: Shariah Minds in Islamic Finance: An Inside Story of a Shariah Scholar by Mohd Daud Bakar, 2016. *International Journal of Economics, Management and Accounting* 25 (1): 141-145.
- Nadhirah Nordin, Sumayyah Abdul Aziz & Mariam Nabilah Mohd Noor. 2018. Zeti Akhtar: ikon pembangunan Sistem Kewangan Islam Malaysia. Prosiding Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari, UnisZa 2018.
- Nelson Rolihlahla Mandela. 2013. *Long Walk to Freedom*. Back Bay Books Little, Brown and Company: New York.
- Nuur Farhana Binti Md Nordin. 2016. Sumbangan Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang kepada penubuhan dan perkembangan Maahad Darul Quran. Tesis Sarjana Pengajian Islam, UKM.
- Phayilah Yama@Fadilah Zakaria, Ikmal Zaidi Hashim, Farhah Zaidar Mohamed Ramli. 2017. Ketokohan dan Sumbangan Dato' Ismail Kamus dalam Bidang Perubatan Islam di Malaysia, Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (Irsyad2017).

- Sloane-White, Patricia. 2017. *Corporate Islam, Sharia and the Modern Workplace*. Cambridge University Press: United Kingdom.
- Suhaimi Bin Latip. 2015. Sumbangan Fadzil Mohd. Noor dalam dakwah politik. Tesis Sarjana: Universiti Malaya.
- Suzuki, Yasushi. 2016. Mohd Daud Bakar, Shariah minds in Islamic Finance. *Islam and Civilisational Renewal. ICR Journal* 7 (4).
- Ummi Zainab Mohd Ghazali & Muhammad Azizan Sabjan. 2018. Sumbangan pemikiran dan perjuangan dakwah Muhammad ‘Uthman El-Muhammady di Malaysia (1943-2013). *Akademika* 8 (1):107-119.
- Zahirwan, M., Pisol, Yusri, M. & Imran, M. 2017. Pandangan Ibnu Khaldun berkaitan kaedah pendidikan dalam Kitab Al-Muqaddimah. *Ideology* 2(1): 26-35.
- Zulkifli Hasan. 2013. Yusuf Al-Qaradawi dan Sumbangan Pemikirannya, *GJAT* 3(1): 51.